

30 SEP 2003

ANGGOTA TRAFIK MATI DALAM KEMALANGAN SELEPAS IRINGI NAJIB

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Seorang anggota polis trafik mati dalam kemalangan selepas menamatkan tugas mengiringi Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, di Jalan Kuala Muda, di sini, hari ini.

Korporal Basri Yusof, 40, yang bertugas di cawangan trafik Ibu Pejabat Daerah Polis Kubang Pasu mati di tempat kejadian selepas motosikalnya berlanggar dengan sebuah lagi motosikal yang tiba-tiba membuat pusingan U.

Ketua Cawangan Trafik Ibu Pejabat Daerah Polis Langkawi, ASP Adzhar Othman berkata dalam kejadian pada kira-kira pukul 7.10 petang tadi penunggang dan pembonceng di motosikal yang satu lagi turut tercedera.

Bagaimanapun identiti mereka belum dapat dipastikan.

"Semasa kejadian itu Allahyarham dalam perjalanan ke Nadias Inn, Pantai Chenang iaitu tempat penginapan anggota polis yang bertugas semasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima) yang bermula hari ini," katanya semasa dihubungi hari ini.

Beliau berkata Najib sebelum itu menghadiri majlis perasmian segmen maritim Lima di Porto Malai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Allahyarham Basri berasal dari Pulau Pangkor, Perak.

-- BERNAMA

ZI MZM PR